

**POLA INTEGRASI SOSIAL :  
SATU KAJIAN KES  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANG FREE,  
PULAU PINANG**

**MOHD HANIS HADI BIN RAHMAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**POLA INTEGRASI SOSIAL :  
SATU KAJIAN KES  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANG FREE,  
PULAU PINANG**

**Oleh**

**MOHD HANIS HADI BIN RAHMAN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Mac 2015**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Ucapan selawat dan salam ke atas Junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Syukur kehadiran illahi kerana dengan limpah kurniaNya, keizinan-Nya, petunjuk-Nya dan hidayah-Nya dapat saya dapat menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr Sivamurugan Pandian yang tidak pernah berhenti memberikan semangat, teguran dan bimbingan kepada saya. Segala perhatian yang diberikan serta peringatan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini.

Rakaman terima kasih juga dipanjangkan kepada En. Abd Aziz K A Razak, Cik Roslina Idrus yang banyak membantu dalam menguruskan urusan dengan pihak pengurusan dalam dan luar Universiti Sains Malaysia. Begitu juga dengan Cikgu Norazmila, Cikgu Norbaini, Cikgu Hanif, Cikgu Jalil, saudari Nurul Farhana Ramli, saudari Azrina Asmawi, saudara Azli Daud dan sahabat-sahabat siswazah Universiti Sains Malaysia, dalam memberi sokongan moral serta pendapat sama ada secara lansung atau tidak dalam menyempurnakan kajian ini.

Tidak lupa kepada Abah, En. Rahman Ahmad, Ma, Pn. Hasnah Sotal yang memberikan sokongan padu demi meningkatkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan serta tatacara hidup orang yang berilmu.

Untuk keluarga tersayang, kasih yang tinggi ditujukan khususnya isteri saya, Hasniyati Hasan, yang tidak pernah lelah dan begitu prihatin bersama menangani pelbagai aral melintang. Untuk anakanda Herris Hadi dan Hessa Hani juga diucapkan terima kasih atas inspirasi.

Semoga tesis ini memberi kebaikan kepada semua serta mengundang keberkatan dan rahmat Allah yang Maha Esa.

Mohd Hanis Hadi Bin Rahman

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Pola Integrasi Sosial Melalui Pendidikan	3
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Penyelidikan	7
1.5	Kepentingan Penyelidikan	7
1.6	Skop dan Limitasi Penyelidikan	10
1.7	Sorotan Karya	12
1.8	Organisasi Bab	14
1.9	Kesimpulan	15

### **BAB 2 KERANGKA KONSEP DAN TEORI**

2.0	Pendahuluan	16
2.1	Konsep Etnik	16
2.2	Konsep Ras	18
2.3	Konsep dan Hubungan Etnik	19
2.3.1	Konsep Majoriti dan Minoriti Etnik	19
2.3.2	Hubungan Majoriti dan Minoriti Etnik	21
2.4	Pola Integrasi Sosial	22
2.5	Persekitaran sekolah	25
2.6	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pola Integrasi Sosial	27

2.6.1	Bahasa	27
2.6.2	Latar Belakang Keluarga	31
2.6.3	Prasangka dan Stereotaip	33
2.7	Teori Masyarakat Majmuk	35
2.8	Teori Pilihan Rasional	37
2.8.1	Sifat Individu	37
2.8.2	Situasi individu	38
2.8.3	Model	38
2.8.4	Keperluan dan Minat	38
2.8.5	Nilai	39
2.9	Kerangka Konseptual	40
2.10	Kesimpulan	41

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	42
3.1	Reka Bentuk Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif	42
3.1.2	Pendekatan dan Strategi Kajian Kuantitatif	43
3.1.3	Pendekatan dan Strategi Kajian Kualitatif	43
3.2	Kawasan populasi kajian	44
3.3	Sampel Kajian	45
3.4	Pemboleh Ubah Kajian Bersandar Dan Tidak Bersandar	46
3.5	Alat Ukur Kajian	46
3.5.1	Latar belakang responden	47
3.5.1	Soal Selidik Bahasa	47
3.5.2	Soal selidik Prasangka	48
3.5.3	Soal selidik Stereotaip	48
3.5.4	Soal selidik Pilihan Rasional	49
3.6	Kutipan dan Analisis Data	49
3.6.1	Kaedah dan Prosedur Analisis Data Kuantitatif	49
3.6.2	Kaedah dan Prosedur Analisis Data Kualitatif	50
3.7	Kesimpulan	50

## **Bab 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.0	Pendahuluan	51
4.1	Dapatan soal selidik	51
4.1.1	Maklumat Demografi Murid	51
4.1.2	Pendidikan Ibu Bapa	53
4.2	Bahasa	53
4.2.1	Bertutur Dalam Bahasa Malaysia Dalam Bilik Darjah	57
4.2.2	Melaksanakan Tugas Berkumpulan Dengan Rakan Etnik Lain Menggunakan Bahasa Malaysia	59
4.2.3	Bahasa Malaysia Menjadi Bahasa Komunikasi Yang Utama Di Sekolah	62
4.2.4	Kesukaran Menggunakan Bahasa Malaysia Ketika Berinteraksi Dengan Rakan Yang Sama Kaum	65
4.2.5	Menggunakan Bahasa Ibunda Ketika Berinteraksi Dengan Rakan Yang Sama Kaum	66
4.2.6	Menggunakan Bahasa Malaysia Ketika Membuat Persembahan Di Dalam Kelas	71
4.2.7	Menggunakan Bahasa Malaysia Ketika Berinteraksi Kepada Guru Di Dalam Kelas	74
4.2.8	Bertutur Dalam Bahasa Malaysia Ketika Dalam Kegiatan Kokurikulum	75
4.3	Prasangka	78
4.3.1	Situasi Prasangka A	78
4.3.2	Situasi Prasangka B	80
4.3.3	Situasi Prasangka C	84
4.3.4	Situasi Prasangka D	85
4.3.5	Situasi Prasangka E	87
4.3.6	Situasi Prasangka F	90
4.3.7	Situasi Prasangka G	92

4.3.8	Situasi Prasangka H	90
4.4	Stereotaip	97
4.4.1	Situasi Stereotaip A	97
4.4.2	Situasi Stereotaip B	98
4.4.3	Situasi Stereotaip C	100
4.4.4	Situasi Stereotaip D	102
4.5	Pilihan Rasional	105
4.5.1	Pemilihan Rakan Baik	105
4.5.2	Tidak Kisah Untuk Berkongsi Meja Dan Makan Bersama Dengan Rakan Dari Kaum Yang Lain	107
4.5.3	Sedia Memberi Bantuan Kepada Kawan Dari Kaum Lain Jika Mereka Menghadapi Masalah?	109
4.5.4	Memilih Kawan Dari Kaum Yang Sama Untuk Menjadi Ketua Kelas	111
4.5.5	Pilihan Guru Yang Sama Etnik Atau Tidak	114
4.5.6	Lebih Suka Guru Yang Pandai Mengajar Daripada Kalangan Guru Yang Sama Kaum	109
4.6	Dapatan Temubual	116
4.6.1	Bahasa	116
4.6.2	Prasangka	119
4.6.3	Stereotaip	121
4.6.4	Pilihan Rasional	122
4.6.5	Temubual dengan guru	123
4.6.5.1	Masalah dan Konflik	124
4.6.5.2	Peranan Guru dan Pentadbir	127
4.7	Cadangan	128
4.8	Kesimpulan	129
 <b>Bab 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>		
5.0	Pendahuluan	130
5.1	Dapatan dan Perbincangan	130
5.1.1	Persekitaran Tempat Tinggal Pelajar dan Pola Interaksi	130

5.1.2	Bahasa dan pola integrasi sosial	131
5.1.2	Prasangka dan Pola Integrasi Sosial	132
5.1.3	Stereotaip dan Pola Integrasi Sosial	132
5.1.4	Pilihan Rasional dan Pola Interaksi Sosial	133
5.2	Implikasi Kajian	133
5.3	Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	135
5.4	Penutup	136
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>137</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>145</b>



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Enrolmen Bilangan Sekolah Dan Bilangan Murid Pulau Pinang	44
3.2 Populasi Etnik Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free	44
3.3 Bilangan Responden Pelajar Tingkatan 1 Mengikut Etnik Dan Bilik Darjah	45
3.4 Jadual Pemboleh Ubah Kajian	46
4.1 Bilangan Pelajar Mengikut Etnik	52
4.2 Bilangan Sekolah Rendah Pelajar Tingkatan 1	53
4.21 Pendidikan Ibu Bapa	53
4.22 Pendidikan Sekolah Rendah Ibu	54
4.23 Pendidikan Sekolah Rendah Bapa	54
4.24 Pendidikan Sekolah Menengah Ibu	55
4.25 Pendidikan Sekolah Menengah Bapa	55
4.26 Institut Pengajian Tinggi Ibu	56
4.27 Institut Pengajian Tinggi Bapa	56
4.3 Bertutur Dalam Bahasa Malaysia Dalam Bilik Darjah	58
4.4 Melaksanakan Tugas Berkumpulan Dengan Rakan Dari Etnik Lain Dalam Bahasa Malaysia	60
4.5 Melaksanakan Tugas Berkumpulan Dengan Rakan Kaum Lain Dalam Bahasa Malaysia	61
4.6 Bahasa Malaysia Bahasa Komunikasi Utama Di Sekolah	63
4.7 Bahasa Malaysia Bahasa Komunikasi Utama Di Sekolah	64
4.8 Sukar Menggunakan Bahasa Malaysia Ketika Berinteraksi Dengan Rakan Yang Sama Kaum	65
4.9 Menggunakan Bahasa Ibunda Ketika Berinteraksi Dengan Rakan Yang Sama Kaum	71
4.10 Menggunakan Bahasa Malaysia Ketika Membuat Persembahan Di Dalam Kelas	73
4.11 Menggunakan Bahasa Malaysia Ketika Berinteraksi Dengan Guru Di	74

	Dalam Kelas	
4.12	Bertutur Dalam Bahasa Malaysia Ketika Dalam Kegiatan Kokurikulum	77
4.13	Jiran En. Ah Seng Sering Menjemput Ke Majlis Rumah Terbuka Ketika Hari Perayaan Dan Menjemput Semua Jiran Termasuk Saya Dan En. Muthu	80
4.14	Keluarga Encik Muthu Sentiasa Bertukar-Tukar Makanan Dengan Keluarga Saya Pada Hujung Minggu	81
4.15	Keluarga Encik Muthu Sentiasa Bertukar-Tukar Makanan Dengan Keluarga Saya Pada Hujung Minggu	83
4.16	Anda Sering Bermain Dengan Jiran Anda, Thaneesh Setiap Hari Pada Waktu Petang Dan Hari Minggu	84
4.17	Rakan Saya, Jack Lee Selalu Membantu Saya Ketika Berada Di Dalam Kelas Dan Juga Menolong Menyiapkan Kerja Sekolah Bersama-Sama	86
4.18	Jack Lee Selalu Membantu Saya Ketika Berada Di Dalam Kelas Dan Juga Menolong Menyiapkan Kerja Sekolah Bersama-Sama	87
4.19	Ketika Berada Di Sekolah, Guru Kelas Anda Seorang Yang Baik Dan Bersedia Mendengar Masalah Saya Dalam Pembelajaran	88
4.20	Ketika Berada Di Sekolah, Guru Kelas Anda Seorang Yang Baik Dan Bersedia Mendengar Masalah Saya Dalam Pembelajaran	89
4.21	Justin Ang Sering Mendapat Layanan Yang Berbeza Dari Guru Kelas, Pn. Norazmila.	90
4.23	Anda Akan Mencari Rakan Anda, Khandan Ketika Waktu Rehat Kerana Ingin Makan Bersama-Sama	92
4.24	Anda Akan Mencari Rakan Anda, Khandan Ketika Waktu Rehat Kerana Ingin Makan Bersama-Sama	93
4.25	Anda Akan Membantu Jhonson Lim Sekiranya Dia Diganggu Oleh Amir Dan Amirul Yang Nakal	94
4.26	Anda Akan Membantu Jhonson Lim Sekiranya Dia Diganggu Oleh Amir Dan Amirul Yang Nakal	95
4.27	Guru Kelas Anda, Pn. Norazmila Selalu Bertanya Akan Kebajikan Semua Pelajarnya Tidak Kira Kaum	97
4.28	Guru Kelas Anda, Pn. Norazmila Selalu Bertanya Akan Kebajikan Semua Pelajarnya Tidak Kira Kaum	98

4.29	Hafizi Selalu Bercakap Dengan Nada Yang Baik Terhadap Rakan Melayunya Sahaja	99
4.30	Hafizi Selalu Bercakap Dengan Nada Yang Baik Terhadap Rakan Melayunya Sahaja	99
4.31	Bapa Thaneesh Akan Menumpangkan Saya Sekiranya Saya Ketinggalan Bas Sekolah Atau Ibu Bapa Tidak Sempat Untuk Menjemput Saya Pulang Ke Rumah	101
4.32	Bapa Thaneesh Akan Menumpangkan Saya Sekiranya Saya Ketinggalan Bas Sekolah Atau Ibu Bapa Tidak Sempat Untuk Menjemput Saya Pulang Ke Rumah	101
4.33	Apabila Waktu Pendidikan Jasmani, Kumpulan Melayu Yang Diwakili Oleh Amirul, Amir Dan Hafizi Sentiasa Menang Dalam Perlawanan Bola Berbanding Dengan Kumpulan Lain	103
4.34	Apabila Waktu Pendidikan Jasmani, Kumpulan Melayu Yang Diwakili Oleh Amirul, Amir Dan Hafizi Sentiasa Menang Dalam Perlawanan Bola Berbanding Dengan Kumpulan Lain	103
4.35	Kawan Baik Anda Adalah Sama Etnik Dengan Anda?	104
4.36	Kawan Baik Anda Adalah Sama Etnik Dengan Anda?	106
4.37	Adakah Anda Tidak Kisah Untuk Berkongsi Meja Dan Makan Bersama Dengan Rakan Dari Kaum Yang Lain?	107
4.38	Adakah Anda Tidak Kisah Untuk Berkongsi Meja Dan Makan Bersama Dengan Rakan Dari Kaum Yang Lain?	108
4.39	Anda Sedia Memberi Bantuan Kepada Kawan Dari Etnik Lain Jika Mereka Menghadapi Masalah?	109
4.40	Anda Sedia Memberi Bantuan Kepada Kawan Dari Etnik Lain Jika Mereka Menghadapi Masalah?	110
4.41	Anda Akan Memilih Kawan Dari Etnik Yang Sama Untuk Menjadi Ketua Kelas.	111
4.42	Anda Akan Memilih Kawan Dari Etnik Yang Sama Untuk Menjadi Ketua Kelas.	112
4.43	Anda Lebih Suka Guru Yang Sama Kaum Berbanding Guru Dari Kaum Lain.	113
4.44	Anda Lebih Suka Guru Yang Sama Kaum Berbanding Guru Dari	113

Kaum Lain.

4.45	Jadual 4.45 Anda Lebih Suka Guru Yang Pandai Mengajar Atau Guru Yang Sama Kaum.	114
4.46	Jadual 4.46 Anda Lebih Suka Guru Yang Pandai Mengajar Atau Guru Yang Sama Kaum.	115

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Pola Integrasi Antara Etnik Yang Terhad	23
2.2	Pola Integrasi Sosial Yang Minima	24
2.3	Pola Interaksi Sosial Etnik Yang Sama	24
2.4	Pengaruh Sekolah Dalam Perkembangan Sosial Kanak-Kanak	26
2.5	Kerangka Konseptual Kajian Pola Integrasi Sosial	40
4.1	Bilangan Pelajar Mengikut Etnik	52
4.2	Bertutur dalam Bahasa Malaysia Dalam Bilik Darjah	59
4.3	Melaksanakan tugas berkumpulan dengan rakan dari etnik lain dalam Bahasa Malaysia	62
4.4	Sukar menggunakan Bahasa Malaysia ketika berinteraksi dengan rakan yang sama kaum	67
4.5	Menggunakan bahasa ibunda ketika berinteraksi dengan rakan yang sama kaum	70
4.6	Menggunakan Bahasa Malaysia ketika berinteraksi dengan guru di dalam kelas	75
4.7	Keluarga Encik Muthu sentiasa bertukar-tukar makanan dengan keluarga saya pada hujung minggu	82
4.8	Anda sering bermain dengan jiran anda, Thaneesh setiap hari pada waktu petang dan hari minggu	85
4.9	Justin Ang sering mendapat layanan yang berbeza dari guru kelas	91

## **SENARAI SINGKATAN**

SMK	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
SK	SEKOLAH KEBANGSAAN
SJKC	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA
SJKT	SEKOLAH JENI KEBANGSAAN TAMIL
PFS	PENANG FREE SCHOOL
SRK	SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

# **POLA INTEGRASI SOSIAL : SATU KAJIAN KES SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANG FREE, PULAU PINANG**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan. Teori Pilihan Rasional telah digunakan sebagai latar teori kajian. Sampel kajian terdiri daripada 158 orang responden Tingkatan 1. Model Quan-Qual diaplikasikan untuk menjawab soalan kajian. Kaedah kualitatif iaitu temu bual digunakan dalam mengkaji pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik. Kaedah kuantitatif iaitu statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Terdapat satu pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji untuk menerang dan meramal empat pemboleh ubah bersandar. Soal selidik mengandungi perkara berkaitan dengan latar belakang pelajar, latar belakang pendidikan ibu bapa, bahasa, prasangka, stereotaip dan pilihan. Keputusan kajian mendapati pelajar Tingkatan 1 masih boleh berintegrasi dengan baik dengan kelompok etnik yang berbeza. Pelajar daripada kelompok kumpulan etnik Melayu kebanyakan mempunyai masalah integrasi dengan pelajar Cina dan India kerana penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah. Kedua, prasangka dan stereotaip masih rendah dalam kalangan pelajar Tingkatan 1. Pilihan Rasional menunjukkan pelajar memilih perkara yang mendatangkan faedah tanpa berprasangka terhadap pelajar lain. Berdasarkan keputusan kajian, beberapa saranan dan cadangan berkaitan dengan pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free.

**PATTERNS OF SOCIAL INTEGRATION: A CASE STUDY OF PENANG  
FREE SCHOOL, PENANG**

**ABSTRACT**

The purpose of this study is to examine the patterns of social integration among secondary school students. Rational choice theory has been used as the background of the study. The sample consisted of 158 respondents Form 1 and Quantal model applied to answer the research question. Qualitative methods of interview used in studying patterns of social integration among students of different ethnic groups. Quantitative methods of descriptive statistics were used to analyze the data. There is one independent variable is studied to explain and predict the four dependent variables. Questionnaire containing items related to the student's background, parents' educational background, language, prejudice, stereotypes and preferences. The study found that Form 1 students still well integrated with different ethnic group. Students from ethnic groups of Malay majority have problems with the integration of Chinese and Indian students because of poor English proficiency. Second, prejudices and stereotypes still low among Form 1 students. Rationale of student is choosing the most benefits without prejudice to the other students. Based on the results, some suggestions and recommendations with regard to patterns of social integration among students of different ethnic groups in Penang Free School.



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Sesebuah negara terbentuk melalui penyatuan semua ahlinya yang menuntut kerjasama politik, ekonomi, sosial dan kesatuan etnik boleh dicapai dengan integrasi sosial. Integrasi sosial juga penting untuk mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial serta kesejahteraan rakyat. Negara seperti Malaysia menghadapi pelbagai cabaran serta kesukaran untuk mengintegrasikan ahli rakyatnya yang berbilang etnik. Kenyataan ini ditegaskan oleh Rabuskha (1972) :

*“Dalam masyarakat pelbagai kumpulan etnik ciri-ciri perbezaan seperti bahasa, agama, dan budaya selalunya menghalang integrasi sosial dan perpaduan sukar dicapai”*

Keadaan ini disebabkan oleh setiap kumpulan etnik berusaha untuk mengekalkan identiti masing-masing dan tidak mahu untuk berkongsi apatah lagi asimilasi budaya mereka ke arah perpaduan yang boleh dicapai kesemua kumpulan etnik. Malaysia juga mengalami masalah perkauman terutama berkaitan dengan isu-isu bahasa, agama, pendidikan, ekonomi dan kewarganegaraan yang menyebabkan perselisihan faham antara kumpulan etnik (Furnivall, 1965; Smith, 1965).

Hubungan etnik tidak dapat dipisahkan dengan cara masyarakat berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Apabila terdapat dua atau lebih individu berlainan etnik cuba mencorakkan proses komunikasi antara satu sama lain ke arah lebih positif, maka secara tidak langsung proses hubungan etnik juga wujud. Sikap individu itu juga penting kerana hubungan etnik yang baik wujud apabila sikap masyarakat dalam komuniti pelbagai etnik ini positif antara satu sama lain. Sikap yang negatif terhadap kumpulan atau individu etnik lain hanya akan mengeruhkan lagi hubungan etnik dalam masyarakat (Banton, 2002). Kenyataan ini disokong oleh Loury (2005):

*“Aspek sosial dan sekeliling masyarakat memainkan peranan yang penting apabila membicarakan mengenai hubungan etnik dalam sesebuah masyarakat”*

Kenyataan tersebut adalah melalui kajian hubungan etnik di Amerika Syarikat dan Britain yang mendapati bahawa anggota komuniti lebih mudah memahami dan bertoleransi antara satu sama lain apabila mempunyai hubungan sosial yang kuat. Menurut beliau, konsep keharmonian mudah terbentuk sekiranya komuniti ini diberikan peluang dari aspek pendedahan dan pengetahuan tentang kumpulan etnik yang lain.

Masalah integrasi sosial akan menjadi lebih rumit sekiranya ahli masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik tidak mengenali antara satu sama lain kerana perbezaan ciri asas seperti bahasa, budaya, ekonomi, agama, politik dan pengalaman sejarah. Ciri-ciri perbezaan ini menjadi penghalang utama dalam proses pembinaan integrasi sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Walaupun terdapat

model-model penyelesaian kepada permasalahan masyarakat majmuk seperti teori Model Democracy Without Consensus dalam *Minorities In New World* (Varys, 1975), Model Consociational Democracy dalam *Racial Trends And Interpretations* (Lijphart, 1977) tidak semua masalah majmuk dapat dihindarkan hanya berdasarkan metodologi penyelesaian politik yang dipimpin oleh segolongan kumpulan elit yang berkuasa dan berpengaruh sahaja tetapi masalah ini harus ditinjau dari pelbagai sudut termasuk faktor pentadbiran, faktor ekonomi, sosiobudaya dan pendidikan.

### **1.1 Pola Integrasi Sosial Melalui Pendidikan**

Integrasi sosial harus disemai pada peringkat yang rendah iaitu peringkat kanak-kanak lagi dan sekolah merupakan tempat yang sesuai bagi memupuk semangat integrasi sosial dalam kalangan pelajar yang pelbagai etnik. Sekolah juga berfungsi sebagai tapak asas pemupukan asas integrasi kanak-kanak pelbagai etnik dalam kondisi persekitaran budaya dan masyarakat sekolah yang bertoleransi.

Sekolah sebagai satu tempat pelajar-pelajar belajar bersama, mencari kawan baru, bermain, membina satu rangkaian sahabat sama ada dengan rakan yang sama etnik ataupun berbeza. Sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menimba ilmu dan meningkatkan kemahiran sendiri tetapi tempat dimana pelajar mengalami penyesuaian, toleransi dan pemupukan nilai-nilai murni. Sehubungan dengan ini, penyelidik berpendapat bahawa persekitaran di sekolah mampu memupuk pola integrasi sosial intra etnik mahupun inter etnik dalam kondisi masyarakat majmuk. Sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk kanak-kanak mengenali diri dan masyarakat di sekelilingnya (Kenneth, 1995; Kegan, 1997; Swift, 1997; Cole, 1999;

dan Chiam, 2002). Noor (2005), menyatakan pendidikan memainkan peranan yang penting bagi memberi pendedahan awal kepada masyarakat sejak kecil lagi dalam pengukuhan hubungan etnik antara masyarakat berbilang etnik seperti di Malaysia. Kenyataan ini disokong dengan pernyataan Banton (2002) bahawa kumpulan masyarakat yang terdedah dan bergaul dengan kumpulan etnik yang lain sejak dari kecil lebih mudah memahami, menerima budaya dan cara hidup kumpulan etnik yang lain lalu mewujudkan masyarakat yang lebih aman dan bekerjasama. Selain itu, Suhaila (2014) menyatakan pemupukan semangat perpaduan harus disemai sejak peringkat persekolahan dan seterusnya pelajar akan berada di peringkat universiti yang bakal menjadi pewaris kemajuan negara masa depan.

Masyarakat pelbagai etnik yang hidup berpersatuan di Pulau Pinang telah mendapati bahawa sifat penerimaan dan saling faham-memahami antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain dapat mengurangkan jurang dalam hubungan etnik (James & Yen, 2007).

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pendidikan formal merupakan satu keperluan asasi sosial yang disediakan oleh pihak pemerintah bagi memenuhi kehendak masyarakat. Hal ini ditegaskan Coleman (1963),

*“Suatu ketika dulu pendidikan dianggap sebagai konservatif dan untuk pengekalan budaya”.*

Walaupun pendidikan dianggap terikat pada ketika dahulu, namun kini pendidikan dianggap sebagai penentuan utama dalam pelbagai aspek perubahan. Perubahan yang dimaksudkan mencakupi politik, sosial dan ekonomi. Perubahan ini juga menuntut perpaduan masyarakat yang utuh bagi mencapai misi perubahan. Oleh hal yang demikian perpaduan boleh dicapai melalui aktiviti yang dirancang untuk membentuk pola integrasi dalam kalangan pelajar antara pelbagai etnik melalui sekolah. Pratte (1980) menegaskan apabila pelajar berada dalam satu persekitaran sekolah yang sama terdapat ruang untuk pelajar berkongsi pengalaman dan dapat memupuk perasaan hormat menghormati antara satu sama lain. Apabila pelajar pelbagai etnik seperti Melayu, Cina dan India berada dalam satu persekitaran budaya sekolah yang sama ia dapat memberi peluang berinteraksi dan berkomunikasi secara lebih luas dan bebas.

Sistem pendidikan yang diamalkan di Malaysia pada peringkat rendah memperlihatkan pelajar disegregasi mengikut sekolah–sekolah etnik iaitu majoriti pelajar Melayu di Sekolah Kebangsaan, pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan pelajar India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Radhi (2002) telah menyatakan satu pembahagian dan jenis sekolah sejak zaman selepas merdeka. Melalui satu persekitaran yang sama dapat mempercepat proses integrasi nasional. Pratte (1980), juga telah membuktikan persekitaran pengajaran yang sama dapat memupuk integrasi mesra dalam kalangan pelajar pelbagai etnik. Oleh hal yang demikian, matlamat pendidikan di Malaysia ialah untuk meningkatkan integrasi nasional dalam kalangan pelajar pelbagai etnik. Matlamat ini dapat dicapai sekiranya pelajar berada di dalam satu persekitaran masyarakat dan budaya sekolah yang sama.

Konsep integrasi nasional merangkumi pelbagai perkara yang perlu difahami dan dihayati oleh semua kumpulan masyarakat berbilang etnik di Malaysia. Semua kumpulan etnik perlu mengamalkan sikap bersedia untuk hormat-menghormati, saling mempercayai dan bertoleransi tanpa ada rasa. Murad (2003), menyatakan bahawa situasi begini mungkin sukar direalisasikan apabila terdapat sebilangan masyarakat yang masih kekal dengan konsep segregasi dalam pendidikan seperti yang diamalkan dalam zaman kolonialisme.

Persoalan yang cuba dirungkai dalam kajian ini ialah adakah pelajar sekolah menengah dapat membentuk pola integrasi dengan kumpulan etnik yang berbeza di sekolah kebangsaan yang pelbagai etnik. Apakah faktor yang mendorong dan juga menghalang pembentukan pola integrasi sosial serta sejauhmanakah proses sosiolisasi pelajar-pelajar sekolah menengah yang mengalami persekitaran kumpulan etnik berbeza di sekolah yang mempunyai persekitaran pelbagai etnik.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini cuba menjawab persoalan adakah terdapat persekitaran pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan berkeupayaan untuk membentuk pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan. Berikut merupakan soalan-soalan kajian yang dapat dibentuk:

1. Bagaimanakah perbezaan pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik sekolah menengah?

2. Apakah faktor-faktor yang mendorong pembentukan pola integrasi sosial antara etnik dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 sekolah menengah?
3. Apakah faktor-faktor yang menghalang pembentukan pola integrasi sosial antara etnik dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 sekolah menengah?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ialah tumpuan persekitaran kumpulan etnik yang berbeza di Sekolah Menengah Kebangsaan dalam pembentukan pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan 1. Antara objektif lain dalam kajian ini adalah:

1. Mengetahui perbezaan pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 Sekolah Menengah Penang Free.
2. Mengenalpasti faktor yang menjadi pendorong dalam pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik pelajar Tingkatan 1 Sekolah Menengah Penang Free.
3. Mengenalpasti faktor yang menjadi penghalang dalam pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik pelajar Tingkatan 1 Sekolah Menengah Penang Free.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Bagi penyelidik terdapat dorongan, sebab, rasional dan ramalan mengapa kajian ini penting dan perlu dilaksanakan. Ia penting untuk memahami secara mendalam penilaian tentang tajuk kajian supaya dapat memberi kesan yang positif

dan tepat kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga pengurusan sekolah.

Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar sekolah kepentingan dalam melibatkan diri untuk berinteraksi dengan rakan yang berbeza etnik. Ini kerana tempoh masa persekolahan di peringkat rendah (Tahun 1 hingga 6) pelajar berpeluang untuk mengenali rakan baharu yang datang daripada sekolah monoetnik dan juga rakan daripada sekolah kebangsaan. Proses pembinaan persahabatan dalam peringkat ini akan menguatkan jati diri dan juga peningkatan terhadap rakan-rakan yang berbeza etnik dalam persekitaran kumpulan etnik yang berbeza selain Sekolah Menengah Kebangsaan menjadi platform kepada mereka untuk berinteraksi dengan pelbagai etnik. Jurang antara pelbagai etnik yang terhasil daripada sekolah vernakular juga dapat dikurangkan kerana jurang hubungan etnik yang disumbangkan melalui sistem sekolah vernakular dipersetujui oleh Othman S. (1984), kerana dengan adanya sekolah tersebut, ianya menunjukkan dasar pelajaran tidak menggalakkan perhubungan dan pertemuan dalam kalangan pelajar-pelajar dari berbagai kumpulan etnik di peringkat rendah. Apabila berada di sekolah menengah, masih ada pelajar daripada kelompok etnik terutamanya dari sekolah persendirian Cina dan sekolah agama, khusus untuk pelajar Islam. Menurut Gatsiounis (2008), hampir 90% daripada pelajar etnik Cina mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Pengasingan dari pelbagai etnik turut didorong dengan program pengkhususan sekolah berasrama kepada pelajar Melayu, menyumbang ke arah melebarkan jurang etnik dalam kalangan pelajar (Osman, 1989).



Kajian ini mengenal pasti masalah dan kekuatan pola integrasi sosial di persekitaran pelbagai etnik. Selain itu, maklumat kajian juga boleh digunakan untuk merangka program yang boleh menambahbaik usaha mengatasi unsur hostiliti Sekolah Menengah Kebangsaan. Pemboleh ubah kajian juga dapat diperkukuhkan secara konseptual supaya lebih mampu menyumbang ke arah merealisasikan matlamat pendidikan kebangsaan. Kajian ini boleh memberi gambaran tepat mengenai organisasi pendidikan dalam meramal aksi, sikap dan tingkahlaku pelajar pelbagai etnik serta dapat merangka perkembangan kurikulum untuk pelajar di peringkat sekolah menengah.

Kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat kepada pihak kerajaan untuk sesuatu tindakan susulan yang bersesuaian dengan merancang dan menganjurkan pelbagai program yang dapat mempertingkatkan hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar sekolah di semua peringkat. Dengan wujudnya kesedaran tentang kekurangan yang terdapat dalam dimensi-dimensi ini, maka matlamat ke arah menyatupadukan kesemua peringkat belia<sup>1</sup> dapat dicapai dan menyumbang kepada perpaduan nasional.

---

<sup>1</sup> Mohd. Ismail Mustari (2006) menyatakan bahawa terdapat dua jenis golongan belia yang terdapat di Malaysia. Golongan belia yang dimaksudkan ialah golongan belia awal dan golongan belia akhir. Kedua-dua golongan belia ini juga dibahagikan kepada lima kelompok dengan ciri-ciri yang tersendiri meliputi umur yang tertentu. Pertamanya ialah golongan belia remaja. Rata-rata kumpulan ini masih berada di bangku sekolah. Keduanya ialah golongan belia institusi pengajian tinggi sekitar umur lapan belas tahun ke dua puluh lima tahun. Golongan kedua ini dikatakan memasuki alam yang lebih bebas daripada kawalan ibu bapa mahupun peraturan sekolah. Ketiganya ialah golongan belia awal pekerjaan sekitar umur lapan belas tahun sehingga dua puluh tiga tahun. Golongan ketiga ini disaran dengan pendedahan pelbagai peluang memajukan diri dalam bidang yang mereka ceburi. Seterusnya golongan belia industri iaitu sekitar umur dua puluh tahun ke tiga puluh tahun dan yang terakhir sekali merupakan golongan belia veteran berumur sekitar tiga puluh ke empat puluh tahun. Golongan veteran ini lebih matang dan ada tanggungjawab yang tinggi pada keluarga.

## **1.6 Skop dan Limitasi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free, Pulau Pinang. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 1 sekolah menengah seramai 173 orang. Namun, hanya 158 yang bersedia untuk menjadi responden kajian ini. Pelajar-pelajar Tingkatan 1 yang mempunyai latar belakang daripada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free, 2012). Walaupun Mohd Najib (2003) menyatakan setidak-tidak 30% daripada populasi sudah dianggap mencukupi bagi saiz sampel, penyelidik menggunakan kesemua 158 orang daripada jumlah populasi sebagai responden kajian. Sekolah ini dipilih kerana berdasarkan kawasan sekolah di kawasan bandar dan merupakan sekolah yang mempunyai keseimbangan tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India.

Melihat kepada batasan dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menghadkan kajian ini kepada perkara-perkara berikut:

1. Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah yang lokasinya di Pulau Pinang.
2. Kajian ini melibatkan pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 dan pihak pentadbir sekolah.
3. Bilangan pelajar Melayu lebih ramai daripada pelajar Cina dan India.
4. Sampel kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan 1.
5. Kajian ini hanya menggunakan faktor bahasa, latar belakang keluarga, prasangka dan stereotaip sebagai pembolehubah kajian.

Tidak semua responden menjawab soal selidik yang diedarkan kerana hanya 158 orang pelajar yang mengembalikan borang selidik dan baki soal selidik adalah rosak dan tidak dapat digunakan.

Sebanyak 158 orang responden, 106 (67%) orang adalah pelajar etnik Melayu, 19 (12%) orang dari etnik Cina dan 29 (18%) orang dari etnik India. Ini boleh menimbulkan persoalan kerana tidak menepati komposisi demografi Malaysia, namun penyelidik bertanggapan bahawa ia mempunyai signifikansi tersendiri kerana nisbah yang kecil ini turut menggambarkan bagaimana integrasi dalam kalangan pelajar daripada dapatan kajian ini dan barangkali akan mempunyai signifikansi berlainan jika komposisinya berdasarkan kepada ketetapan nisbah kependudukan Malaysia.

Hasil kajian ini menggambarkan pola integrasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free, Pulau Pinang dan tidak mewakili seluruh sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun rangka kajian ini boleh digunakan bagi tujuan pengkajian pola integrasi etnik di sekolah yang lain.

## 1.7 Sorotan Karya

Di Malaysia, kajian tentang hubungan antara politik dengan etnik dalam kalangan golongan minoriti dan majoriti banyak dijalankan antaranya oleh Enloe (1986), Chai Hon Chan (1977), Sorenson (1978), dan juga Saad (1993). Kajian tentang pendidikan dan hubungan integrasi diusahakan oleh Rabushka (1972), Samir (1975), Watson (1981), Santhiram (1999), Mansor (2006), dan Dawi (2010).

Kajian tentang hubungan etnik di Malaysia yang dikemukakan oleh Freedman (1960), Esman (1972), Hirschman (1975), Salim (1983), Hui (1985), Osman (1989), Shamsul Amri (2004), Noor (2005), dan Ali (2008). Tong (1995) mendapati polarisasi semakin meningkat dan hubungan antara pelajar Melayu dan bukan Melayu semakin berkurangan. Namun, terdapat juga pandangan yang bercanggah dengan pendapat Tong (1995) yang dikemukakan oleh Noor (1992, 1997, 2000), berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap pengaruh norma-norma sejabat dan jenis hubungan sosial dalam masyarakat. Mereka berpendapat bahawa sungguhpun terdapatnya keadaan polarisasi, namun keadaan tersebut semakin berkurangan dengan adanya pengaruh norma-norma sejabat yang telah menghakis signifikan unsur politik dalam hubungan etnik. Menurut mereka lagi, kepentingan yang dikaitkan oleh responden kepada *ethnic preference* berbeza berbanding dengan norma-norma lain seperti kepentingan peribadi berbentuk material, status sosial, dan ikatan sosial. Bahkan, tindakan sosial individu yang berkaitan dengan norma sejabat itu telah menghasilkan perlakuan baru yang tiada kaitan lansung dengan norma etnik, sekaligus melemahkan keprihatinan terhadap sempadan kelompok etnik. Hassan (2006), berpendapat bahawa kewujudan konflik dan permasalahan dalam proses

pembentukan negara moden bagi masyarakat pelbagai etnik seperti Malaysia perlu ditangani dengan berhemah terutamanya melibatkan isu-isu sensitif antara etnik.

Tuntutan bahasa yang berbeza antara dominasi dan subordinasi merumitkan proses pembinaan negara bangsa (Sua, 2010). Kenyataan ini disokong oleh Nelde (1987) yang menjelaskan bahawa terdapat penentangan terhadap bahasa majoriti dalam kalangan etnik minoriti yang homogenus dan mempunyai kekuatan numerikal serta tradisi budaya.

Menurut Rothermund (1986), bahasa merupakan isu yang paling utama dalam kebanyakan perbincangan tentang pendidikan dan integrasi yang membabitkan etnik minoriti. Tan (2011) menegaskan bahawa penggubal dasar dalam kebanyakan masyarakat majmuk akan membenarkan etnik minoriti mengekalkan bahasa etnik tetapi mengenakan syarat perolehan pada peringkat tertentu terhadap bahasa etnik majoriti dalam asas pembinaan negara bangsa yang lazimnya mengutamakan bahasa etnik majoriti sebagai bahasa kebangsaan.

Selain itu, Holmes (2001), menyatakan bahasa kebangsaan merupakan satu bahasa kepada satu unit politik, budaya dan sosial yang akan dibangunkan sebagai satu simbol perpaduan negara manakala bahasa rasmi merupakan bahasa yang digunakan untuk urusan kerajaan dan fungsinya lebih bersifat utilitarian daripada simbolik. Walau bagaimanapun, pemerolehan Bahasa Malaysia, terutamanya dalam golongan bukan Melayu perlu mencapai tahap yang mantap agar mereka dapat mendukung peranan bahasa Melayu sebagai integrasi negara ini (Tan, 2011).

Selain bahasa, pendidikan awal persekolahan juga penting dalam pembentukan pola integrasi etnik kerana hubungan antara guru dan pelajar di peringkat pra-sekolah akan mempengaruhi pemilihan ras, etnik, latar belakang dan kecekapan bahasa (Howes, 2011). Bukti yang dinyatakan dalam kajian Shivers (2006), menjelaskan bahawa pelajar pra sekolah yang hilang minat selepas enam bulan belajar dengan guru mereka. Ini kerana perbezaan dari segi latar belakang etnik atau ras.

### **1.8 Organisasi Bab**

Kajian ini mengandungi lima bab secara keseluruhannya. Bab 1 adalah Pendahuluan yang merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Bab 2 adalah Konsep dan Teori Hubungan Etnik yang menghuraikan konsep dan teori yang diaplikasikan dalam kajian ini. Bab 3 adalah Metodologi Kajian yang menerangkan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Bab 4 adalah Dapatan Kajian yang memaparkan latar belakang responden kajian dan juga hasil daripada data analisa yang diperolehi. Bab 5 dan terakhir adalah Kesimpulan dan Cadangan Kajian yang merangkumi keseluruhan perbincangan dan cadangan dalam kajian yang dilakukan.

## **1.9 Kesimpulan**

Penjajahan British sekian lama memisahkan penduduk Tanah Melayu (kini Malaysia) antara satu sama lain berdasarkan dasar pecah perintah khususnya dalam bidang sosioekonomi dan sosial. Perbezaan pekerjaan dan penempatan yang dilaksanakan oleh British mengakibatkan setiap kumpulan etnik mempunyai pusat kegiatan ekonomi, cara hidup, kehidupan sosial dan juga politik yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting untuk membentuk pola integrasi sosial antara pelajar di peringkat sekolah.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan pelajar pelbagai etnik ditempatkan dalam satu ruang dan persekitaran kumpulan etnik yang berbeza. Persekitaran kumpulan etnik yang berbeza inilah yang boleh membolehkan menguatkan ruang dan peluang untuk pelajar memahami budaya, cara hidup dan perkara-perkara baharu bagi meningkatkan integrasi etnik dalam kalangan mereka. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada pola integrasi sosial antara pelajar pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan. Pemboleh ubah yang diaplikasikan dalam kajian sedikit sebanyak membantu penyelidik dalam mendalami fenomena yang dikaji. Maklumat yang diperolehi boleh membantu sedikit sebanyak kepada para pengkaji hubungan etnik dan juga kepada para pendidik, penggubal kurikulum dan dasar pendidikan bagi memupuk keharmonian antara etnik dan integrasi sosial bagi menjadi tonggak kejayaan yang menjadikan Malaysia sebuah negara maju seiring dengan integrasi sosial yang sihat.

## **BAB 2**

### **KERANGKA KONSEP DAN TEORI**

#### **2.0 Pendahuluan**

Bidang kajian hubungan etnik menumpukan usaha kesatuan etnik dan membincangkan kepentingannya dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera. Hal ini meliputi kehendak, keperluan dan kepentingan setiap ahli masyarakat perhubungan antara kumpulan etnik yang berbeza. Kajian tentang hubungan etnik antara golongan majoriti dan minoriti etnik banyak dijalankan antaranya oleh Chan (1977), Saad (1983), di Malaysia. Proses interpersonal yang mengakibatkan sosialisasi antara ras dan bagaimana sekolah sebagai satu organisasi mempengaruhi integrasi murid satu tinjauan ringkas teori-teori hubungan etnik tentang perhubungan etnik akan membantu dalam memperjelas kajian ini. Teori yang akan digunakan dalam kajian ini ada kaitan dengan Horman (1961) dan daripada teori ini satu kerangka kajian dan kerangka konseptual dibina.

#### **2.1 Konsep Etnik**

Kumpulan etnik dilihat tidak dipengaruhi oleh faktor biologi tetapi merujuk kepada golongan yang berkongsi budaya yang diwarisi (Macionis, 1998). Etnik atau etnisiti berasal daripada perkataan Yunani, *ethnos* (Raymond, 1995). Perkara ini merujuk kepada orang bukan Yunani yang berkongsi ciri budaya, biologi, dan cara hidup yang serupa. Perkataan ‘ethnos’ dalam New Testament Yunani, merujuk



kepada bangsa bukan Kristian atau bukan Yunani. Pada tahun 1900 Masihi, masyarakat Eropah menganggap perkataan etnik, etnikal, etnisiti, *ethnique* dan *ethnie* sama dengan istilah ras. Etnik hanya dapat diklasifikasikan melalui perbezaan budaya antara satu kumpulan masyarakat dengan masyarakat yang lain. Konsep 'kelompok etnik' ini digunakan bagi merujuk kepada golongan-golongan yang mempunyai perbezaan dari segi agama, adat resam, kebudayaan, bahasa, dan sebagainya.

Raymond (2003) menyatakan bahawa etnik biasanya bersifat etnosentrik iaitu satu konsep yang menganggap ciri-ciri budayanya sebagai wajar, betul dan lebih utama berbanding budaya orang lain yang dipandang rendah dan ganjil. Dalam konsep kumpulan masyarakat seperti pelajar, terdapat sebilangan kumpulan yang akan sentiasa beranggapan bahawa kumpulan mereka adalah lebih baik daripada kumpulan lain sedangkan masing-masing ada kelebihan dan kekurangan. Isu dan sikap etnosentrisme ini acap kali berlaku dan menjejaskan pola integrasi sosial dalam kalangan pelajar sekolah.

Etnosentrisme pula merujuk kepada kepercayaan atau rasa bangga yang wujud dalam kalangan anggota sesebuah kelompok etnik bahawa budaya dan etnisiti mereka lebih hebat (Macionis, 1998). Etnisiti pula merujuk kepada rasa kekitaan kumpulan etnik tertentu. Perasaan yang tiada toleransi, ego dan mementingkan diri sendiri yang wujud menyebabkan masing-masing ingin mempertahankan kehebatan masing-masing tanpa memikirkan kepentingan sejagat yang lebih utama.

## 2.2 Konsep Ras

Konsep ras dan etnik seringkali dicampur aduk sehingga maknanya mempunyai perbezaan yang kecil. Pada dasarnya, ras dikatakan sebagai sebuah kelompok sosial yang mempunyai tanda pengenalan kolektif berasaskan ciri-ciri fizikal-biologikal nyata, seperti warna kulit, warna mata, warna rambut dan sebagainya. Paling ketara ialah untuk membezakan ciri kumpulan manusia ialah warna kulit (Shamsul, 2007).

Menurut Macionis (1998), menyatakan ras adalah kumpulan manusia yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berkongsi ciri-ciri biologi tersendiri yang diwarisi, dan dapat dibezakan dengan jelas dalam masyarakat. Namun, pengklasifikasian sedemikian adalah secara luaran sahaja kerana memang terdapat golongan yang sukar diklasifikasikan dan dibezakan ke dalam mana-mana kumpulan ras. Ini adalah kerana manusia bersosial, berinteraksi dan perkahwinan campur sering berlaku di antara satu sama lain. Akibatnya golongan baru yang mempunyai keturunan campuran yang tidak dapat digolongkan ke dalam mana-mana kumpulan ras akan terhasil.

Menurut Academic American Encyclopedia (1997), ras boleh didefinisikan sebagai teori atau falsafah yang menyatakan seseorang mewarisi ciri-ciri seperti warna rambut, tingkah laku, warna kulit, rupa bentuk, kelakuan atau tahap intelektual. Pengertian sedemikian menyebabkan sesetengah manusia menganggap kaum mereka adalah jauh lebih baik berbanding dengan kaum lain. Namun, penyalahgunaan konsep ini mengakibatkan berlakunya diskriminasi dan prasangka di

antara kelompok etnik tertentu di dunia. Oleh hal yang demikian, *Encyclopedia of Religion* (1998) telah menyatakan bahawa manusia tidak sepatutnya dikelaskan mengikut ras.

### **2.3 Konsep dan Hubungan Etnik**

Dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan aspek konsep dan hubungan majoriti dan minoriti etnik.

#### **2.3.1 Konsep Majoriti dan Minoriti Etnik**

Kumpulan manusia yang mempunyai tanggapan terhadap diri dan masyarakat dalam liputan dan amalan hidup yang sama terhadap satu set tradisi merupakan golongan etnik. Tradisi yang dimaksudkan ini ialah kepercayaan dan amalan yang bertunjangkan kepada bahasa, agama, perasaan terhadap kesinambungan sejarah, keturunan atau tempat asal yang sama (De Vos, 1975). Rothermund (1986) menjelaskan bahawa status dan kedudukan kedua-dua golongan antara majoriti dan minoriti adalah berdasarkan konsep istimewa (*privileged*) dan kurang istimewa (*underprivileged*).

Golongan yang berkedudukan istimewa akan memperlihatkan sikap militan sedangkan golongan majoriti yang berkedudukan kurang istimewa akan cuba menggunakan ugutan dan juga diskriminasi secara rasmi untuk memperolehi hak. Rothermund (1986), turut menumpukan peranan pendidikan untuk mengimbangkan tuntutan kedua-dua pihak demi mengelakkan disintegrasi.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan dan kritikan atas konsep ini kerana reaksi majoriti-majoriti seperti yang diterangkan agak keterlaluan. Rothermund juga tidak menerangkan syarat-syarat yang membawa kepada kedudukan istimewa dan kurang istimewa sesuatu golongan etnik itu.

Watson (1985) dan Edwards (1985) membuat perbandingan relatif di antara kedudukan dengan hubungan majoriti-minoriti berdasarkan kekuatan tertentu. Watson (1985) menyatakan bahawa kekuatan politik dan ekonomi dapat mengawal dan mempengaruhi status kedudukan golongan etnik sebagai minoriti khususnya secara perbandingan relatif dengan golongan majoriti. Edwards (1985) melihat kuasa dan status antara golongan majoriti dan minoriti secara perbandingan relatif. Tafsiran terhadap hubungan majoriti-minoriti secara perbandingan relatif adalah lebih objektif kerana kedudukan dan status majoriti agak sukar ditentukan secara mutlak dengan berdasarkan satu-satu kriteria tersendiri.

Thomas (1974) memberi satu penjelasan yang komprehensif tentang ciri-ciri status, minoriti dan kedudukan iaitu minoriti sebagai satu kumpulan yang berbeza dalam aspek linguistik dan agama daripada satu kumpulan yang lain yang lebih besar bilangannya serta mendominasi dalam politik negara di mana kedua-dua kumpulan itu bermastautin. Ahli-ahli kumpulan minoriti selalu berada dalam kedudukan *subordinate* dari segi keistimewaan, prestij dan kuasa serta mempunyai perasaan perikatan asas terhadap anggota-anggota dalam kumpulan sendiri di mana perasaan ini bersaing dengan perasaan taat setia terhadap negara yang mereka tinggal. Keterangan beliau khususnya tentang ciri-ciri perbezaan antara golongan majoriti

dengan minoriti serta kedudukan majoriti yang mendominasi dalam politik digunakan berdasarkan kepada kesesuaian untuk kajian ini.

### **2.3.2 Hubungan Majoriti dan Minoriti Etnik**

Kumpulan etnik dalam sesebuah masyarakat yang berbeza dari segi budaya, bahasa, agama dan ras boleh wujud bersama, contohnya di institusi pendidikan. Dalam keadaan majoriti-minoriti ini, golongan subordinasi sering menganggap dirinya ditindas oleh dominasi. Mengikut Wirth (1970), golongan minoriti sering menganggap dirinya sebagai objek diskriminasi golongan majoriti dominan. Wirth (1970) juga menganggap keadaan ini menandakan kewujudan satu golongan dominan yang memperlihatkan status sosial yang lebih tinggi serta mempunyai lebih banyak keistimewaan daripada golongan minoriti. Pandangan Wirth ini lebih berpunca daripada tanggapan minoriti yang bersifat defensif terhadap kedudukan majoriti.

Ada kalanya tuntutan golongan subordinasi sebagai contohnya dalam aspek bahasa boleh dikatakan tidak wajar. Umpamanya, sesebuah negara yang masih dalam pembinaan negara bangsa selepas merdeka, golongan dominasi diberi justifikasi untuk menentukan proses pembinaan negara bangsa seperti yang ditegaskan oleh Schermerhorn (1970), apabila sesebuah masyarakat mencapai kekompleksan sesebuah negara bangsa, negara bangsa ini secara sendiri dan secara lebih kurangnya akan mengidentifikasikan dirinya dengan kepentingan dan nilai golongan dominan untuk memenuhi kehendak fungsian keseluruhan masyarakat itu. Kumpulan dominan sedemikian adalah kumpulan kolektif dalam masyarakat itu yang mempunyai kuasa


yang menonjol untuk berfungsi sebagai penjaga terhadap kawalan sistem nilai serta pemberi ganjaran utama dalam masyarakat.

Grant (1988) menyatakan bahawa kuasa budaya golongan majoriti menjangkau pengaruh linguistik. Secara tidak nyata tetapi secara berkesan, tanggapan dan norma malahan terminologi yang digunakan oleh golongan majoriti akan disebarkan kepada golongan minoriti. Kesimpulannya, nilai-nilai golongan majoriti tidak dapat dielakkan dalam konteks pembinaan bangsa dan negara.

#### **2.4 Pola Integrasi Sosial**

Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik (Ahmad, 1987). Menurut Othman (1992), integrasi bermaksud setiap kumpulan mengekalkan identiti etnik, nilai agama serta kebudayaan masing-masing tetapi mereka menyertai sistem dan struktur politik, ekonomi dan sosial yang sama.

Pola integrasi sosial ialah proses sosial yang berlaku di antara etnik daripada budaya yang berlainan (Mayhew & Levinger, 1992). Pola integrasi sosial dapat dikategorikan kepada beberapa model (Miller, 1995). Rajah 2.1 menunjukkan pola integrasi berlaku apabila dua atau lebih kumpulan etnik berintegrasi sosial menggunakan bahasa yang sama. Jika kumpulan etnik tidak dapat berintegrasi sosial dengan bahasa yang sama, kumpulan etnik akan berinteraksi melalui simbol-simbol seperti isyarat atau gambar.




**Rajah 2.1: Pola Integrasi Antara Etnik Yang Terhad**

Sumber: Miller (1995)

Berdasarkan Rajah 2.1, X ialah Bahasa Malaysia yang digunakan untuk berintegrasi sosial. Berdasarkan Rajah 2.1 pola interaksi antara kumpulan etnik Melayu, Cina dan India adalah terhad (Miller, 1995). Situasi yang dinyatakan oleh Miller (1995) dapat digambarkan semasa pelajar berada di Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ke Sekolah Menengah Kebangsaan. Di Sekolah Menengah Kebangsaan, pelajar dari sekolah rendah akan berada dalam satu persekitaran budaya kumpulan etnik yang berbeza termasuk pelajar yang datang dari Sekolah Kebangsaan. Pada peringkat awal persekolahan pelajar Melayu, India dan Cina belum mengenali rakan yang berbeza dari kumpulan etnik sendiri.


Rajah 2.2 menunjukkan pola integrasi sosial berlaku pada tahap yang minima (Miller, 1995). Pada tahap ini pelajar mula mengenali rakan daripada kumpulan etnik yang berbeza.



**Rajah 2.2: Pola Integrasi Sosial Yang Minima**

Sumber: Miller (1995)

Rajah 2.3 menunjukkan pola integrasi sosial yang berlaku dengan lebih baik. Pada tahap ini mungkin pelajar sudah dapat berinteraksi dengan baik. Perbezaan antara pelbagai kebudayaan, cara hidup dan agama telah dapat dihormati dan difahami. Apabila individu dapat memahami dan menghormati segala perbezaan individu yang lain, pola integrasi sosial dapat dicapai dengan mudah (Lewin, 1975).



**Rajah 2.3: Pola Interaksi Sosial Etnik Yang Sama**

Sumber: Miller (1995)